

# MELANGKAH KE HADAPAN DENGAN YAKIN



# LAPORAN PRESTASI DANA 2020



## GAMBARAN KESELURUHAN

02 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

05 Ulasan & Tinjauan Pasaran 2020

08 Dana Ekuiti Allianz Life

16 Dana Terurus Allianz Life

24 Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life

35 Dana Tunai Allianz Life

42 Dana Pendapatan Ekuiti Allianz Life

50 Dana Global High Payout Allianz Life

58 Dana Asia Multi-IncomePLUS Allianz Life

65 Dana Induk Bon Allianz Life



77

Dana Induk Ekuiti Allianz Life

124

Dana Amanah Dana Ikhlas Allianz Life

88

Dana Induk Dividen Allianz Life

131

Dana ASEAN PLUS Allianz Life

99

Dana Bon Allianz Life

139

Dana Induk ASEAN Plus Allianz Life

106

Dana Padu Allianz Life

150

Lampiran

114

Dana Induk Dana Ekuiti Allianz Life

## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif



Penguncupan KDNK  
2020 Malaysia

**-5.6%**

tahun atas tahun (yoy)

FBMKLCI menurun kepada

**1,219.72**  
**mata,**

paras terendah  
pada tahun 2020

**Joseph Kumar Gross**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Allianz Life Insurance  
Malaysia Berhad



## Tindak balas COVID-19

WHO mengisytiharkan wabak koronavirus sebagai pandemik pada 11 Mac 2020 dan kerajaan di seluruh dunia bertindak balas dengan pelbagai langkah terdesak untuk membendung penularannya.



### Pemegang polisi berkaitan pelaburan yang dihargai,

Perubahan dekad yang baharu ini sememangnya merupakan tempoh yang bergolak bukan sekadar bagi Malaysia malah seluruh dunia. Situasi ini dimudaratkan oleh cabaran eksogen (luaran) dan endogen (dalaman), terutamanya pandemik COVID-19, peristiwa bermagnitud dan berskala besar yang mendorong Menteri Kewangan (Malaysia) mengungkapkan bahawa ia adalah "kemelut ekonomi terburuk sejak Zaman Kemelesetan pada tahun 1930-an."

Dari segi ekonomi negara kita dalam situasi menduga ini, kesan buruk cabaran yang disebut di atas mengakibatkan penguncupan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang direkodkan sebanyak 17.1% tahun atas tahun (yoy) pada suku kedua tahun 2020. Berasaskan perbandingan tahunan, penguncupan KDNK negara pada tahun 2020 adalah 5.6% tahun ke tahun (yoy) setanding dengan unjuran pertumbuhan KDNK Bank Negara Malaysia (BNM) yang disemak semula sebanyak 3.5% hingga -5.5% yoy. Namun angka ini jauh daripada kadar pertumbuhan KDNK +4.8% yoy yang disasarkan pada awalnya dalam Bajet 2020. Kali terakhir Malaysia merekodkan penguncupan KDNK tahunan adalah pada tahun 2009 semasa Krisis Kewangan Global (GFC), iaitu sebanyak -1.5% yoy.

2020 merupakan tahun yang diselubungi suasana COVID-19 dengan kejatuhan ekonomi yang teruk. Penularan virus ini diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020 oleh itu, kerajaan di seluruh dunia bertindak balas dengan pelbagai langkah terdesak untuk membendung penularannya. Kerajaan kita menangkisnya

dengan melancarkan beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berlanjutan sepanjang tahun untuk mengawal kadar jangkitan. Bagaimanapun, PKP mempunyai kesan sampingan, iaitu aktiviti ekonomi semakin perlahan yang mengakibatkan rekod penguncupan KDNK seperti yang dinyatakan di atas. Tinjauan pasaran ekuiti di seluruh dunia menunjukkan tindak balas negatif kepada kejutan ini dan seperti yang dijangka, Dow Jones menurun sebanyak 9.99% berikutan pengumuman pandemik oleh WHO, kejatuhan harian yang paling teruk sejak tahun 1987. Indeks utama FBMKLCI turut mengalami kejatuhan sebanyak 15.5% kepada paras terendah pada 1,219.72 mata pada tahun 2020 mulai hari pengumuman pengisytiharan COVID-19 sebagai pandemik hingga 19 Mac 2020. Bagi memburukkan lagi keadaan, Malaysia mengalami saat-saat politik pada suku pertama 2020 disebabkan oleh pengaturan semula lanskap pemerintahan

## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

yang mengakibatkan peralihan kerajaan. Ini memulakan tempoh ketidakpastian apabila pemulihan berstruktur dan polisi kerajaan terdahulu telah ditangguhkan atau diselaraskan semula sementara pentadbiran kerajaan yang baharu menjuruskan usaha ke arah menangani pandemik. Bagi mengurangkan kesan kejatuhan ekonomi berikutan daripada pandemik ini, BNM menurunkan Kadar Dasar Semalaman kepada 1.75% selama setahun sementara kerajaan melancarkan beberapa siri pakej bantuan seperti Perlindungan Ekonomi Dan Rakyat Malaysia (Permai), Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) yang bernilai RM320 bilion. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bursa Malaysia pula melaksanakan langkah-langkah sementara seperti mengharamkan Jualan Singkat Terhad (RSS) dan Jualan Singkat Intra Hari (IDSS) untuk membantu meningkatkan pasaran sementara pihak bank memberi bantuan dari segi pelaksanaan moratorium pinjaman untuk melegakan kesukaran yang dihadapi oleh orang ramai. Dengan usaha bersepadu ini, FBMKLCI mengakhiri tahun dengan peningkatan sebanyak +2.42% yoy walaupun masih merekodkan prestasi lebih rendah daripada Indeks MSCI World yang merekodkan kenaikan sebanyak +14.06% yoy. Aliran keluar ekuiti asing bersih pada tahun 2020 mencatat RM24.5 bilion, iaitu lebih dua kali ganda berbanding aliran keluar sebanyak RM11.1 bilion pada tahun 2019. Sebaliknya, aliran masuk asing bersih terkumpul bon Malaysia adalah memuaskan pada RM18.3 bilion, -8.0% yoy, tanpa sebarang penjualan ketara meskipun penarafan berdaulat Malaysia diturunkan kepada BBB+/ stabil daripada A-/negatif oleh Fitch pada Disember 2020.

Diseret oleh ketidakstabilan yang meresapi pasaran ekuiti sepanjang tahun 2020, malangnya prestasi dana berkaitan pelaburan tidak dapat mengatasi penanda aras yang ditetapkan sepadan dengannya. Dana utama di bawah pengurusan Dana Ekuiti dan Dana Terurus Allianz Life mencatat pulangan masing-masing sebanyak -2.78% dan +0.64% berbanding dengan

**Walaupun tahun 2020 tercalar oleh impak pandemik COVID-19, kejayaan pemberian vaksin global, pakej rangsangan tempatan dan dunia secara besar-besaran serta polisi akomodasi oleh bank-bank pusat membantu untuk menetapkan rangka kerja yang diperlukan bagi pemulihan ekonomi dunia pada tahun 2021.**

penanda aras setara kedua-duanya melaporkan pulangan sebanyak +3.49% dan +3.36%. Bagaimanapun, apabila diukur sepanjang tempoh dua tahun, dana tersebut mencapai pulangan masing-masing sebanyak +0.23% dan +5.01%. Berhubung dengan prestasi lepas keseluruhannya sejak pelancarannya pada tahun 2000, Dana Ekuiti dan Dana Terurus Allianz Life turut merekodkan hasil positif yang serupa dengan pulangan tahunan sebanyak +7.98% dan +8.43% mengatasi pulangan penanda aras masing-masing sebanyak +3.74% dan +3.79%. Tambahan lagi, produk berkaitan pelaburan kami juga merekodkan pertumbuhan baik pada tahun 2020 sebanyak 9.6% dalam premium bertulis kasar. Premium perniagaan baharu menurun sebanyak 26.3% berikutan jualan terjejas semasa tempoh PKP yang dikenakan oleh kerajaan.

Melangkah ke tahun 2021, kami kekal berjaga-jaga terhadap angin sakal eksogen dan meninjau dengan teliti setiap pembangunan domestik kerana kedua-duanya mungkin mengenakan kesan seretan terhadap usaha pemulihan ekonomi negara. Pada Januari 2021, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan bahawa pertumbuhan KDNK dunia 2021 pada +5.5% yoy, +0.3 mata peratusan lebih tinggi daripada unjuran pada Oktober 2020. Peningkatan ini diramalkan berdasarkan kesan positif pemberian vaksin COVID-19 serta sokongan polisi tambahan sesetengah ekonomi terbesar dunia. Namun, laporan IMF memberi amaran bahawa pelancongan merentas sempadan akan kekal suram sehingga penularan kes di peringkat dunia reda. Tambahan lagi, berakhirnya pilihanraya Amerika Syarikat dengan kemenangan Presiden Joe Biden akan membantu ancaman persengketaan perdagangan antara Amerika Syarikat dan blok ekonomi lain yang wujud di bawah pentadbiran dahulu. Walaupun adanya momentum berita positif tentang penggiatan semula ekonomi didorong oleh vaksin, pemulihan tersebut bukannya tanpa sebarang risiko. Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan AS (FOMC) pada Januari 2021 mengetengahkan pemulihan pantas aktiviti ekonomi dan penyederhanaan pekerjaan terutamanya sektor yang terjejas teruk oleh pandemik dan memerhati "risiko besar" yang mengancam prospek ekonomi. Sehubungan dengan itu, FOMC memilih langkah berhemah untuk mengekalkan kadar faedah hampir sifar bagi menyokong pemulihan ekonomi yang sedikit.

Berlatarbelakangkan ancaman peningkatan COVID-19, kerajaan melancarkan peruntukan belanjawan terbesar sebanyak RM322.5 bilion, +8.6% yoy bagi tahun 2021. Ia menunjukkan prinsip keprihatinan kerajaan terhadap rakyat dengan mengutamakan usaha menghidupkan semula ekonomi dan kebajikan orang ramai yang terjejas teruk oleh pandemik, bukannya melaksanakan aspirasi strategik jangka panjang negara. Rangsangan aktiviti ekonomi menunjukkan peningkatan sebanyak +38% yoy, dalam bentuk perbelanjaan pembangunan kepada RM69 bilion. Menteri Kewangan menyatakan bahawa Belanjawan 2021 meningkatkan pertumbuhan KDNK sebanyak hampir 4 mata peratusan pada tahun 2021 meskipun andaian wujudnya vaksin COVID-19 dijangka pada awal tahun. Kementerian Kewangan (MoF) mengunjurkan pertumbuhan KDNK 2021 sebanyak +6.5% hingga +7.5% yoy berikutan pertumbuhan permintaan domestik sebanyak 6.9% yoy. Selain daripada itu, kerajaan juga menetapkan langkah mengawal pengangguran dan mengunjurkan kadar pengangguran sebanyak 3.5% pada tahun 2021 berbanding dengan 4.8% pada tahun 2020. Belanjawan tersebut juga merangkumi langkah mewujudkan pekerjaan baharu dan

## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif



meluaskan skim subsidi upah. Kementerian Kewangan menjelaskan dengan lebih lanjut bahawa ia menjangka defisit akan berkurang kepada 4.5% daripada KDNK sepanjang jangka sederhana iaitu antara tahun 2021 dan tahun 2023, sekiranya pertumbuhan KDNK sebenar tahunan berada pada +4.5% hingga 5.5% yoy dan harga minyak kekal pada USD45-55/tong. Situasi adalah meyakinkan pada ketika ini dengan harga minyak Brent diperdagangkan pada USD61.14/tong (pada 11 Februari 2021) lebih tinggi berbanding dengan harga minyak diunjurkan oleh kerajaan pada USD42/tong pada tahun 2021 sebagaimana digariskan dalam Belanjawan 2021.

Bagaimanapun, Pertubuhan Negara-Negara Pengeksporth Petroleum (OPEC) memberi amaran tentang ketidakpastian yang menyelubungi pandemik COVID-19. Namun begitu ramalan permintaan minyak mentah dunia dikekalkan pada Januari 2021. Kerajaan tidak teragak-agak untuk meluaskan kedudukan fiskal demi menggalakkan pemulihan ekonomi, namun usaha tersebut masih berpandukan Rangka Kerja Fiskal Jangka Masa Sederhana yang menyokong prinsip berhemah fiskal dan Rang Undang-Undang (RUU) Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020. Rang Undang-Undang ini akan dikuatkuasakan sehingga 31 Disember 2022 bagi membenarkan peminjaman untuk rangsangan ekonomi, langkah-langkah pemulihan serta meningkatkan had statutori hutang kerajaan daripada KDNK sehingga 60% daripada 55%. Dengan tahap hutang meningkat dalam masa yang terdekat, kami kekal optimistik namun berhati-hati bahawa kewangan negara melalui tempoh yang mencabar. Dalam hal ini, kami gembira dengan pengesahan penarafan hutang Malaysia pada A3 dengan tinjauan yang stabil oleh Moody's pada Januari 2021.

Berdasarkan sejarah menunjukkan bahawa Malaysia telah diiktiraf sebagai negara yang stabil dari segi politik. Meskipun mengalami isu-isu politik, kestabilan jangka pendek telah diperkukuhkan oleh pengisytiharan darurat pada 12 Januari 2021 yang dijangka akan berlarutan sehingga 1 Ogos 2021. Langkah luar biasa ditetapkan agar kerajaan berupaya fokus sepenuhnya kepada usaha menangani penularan pandemik COVID-19 yang menunjukkan dengan ketara trend kes baharu harian yang tinggi sejak September 2020. Walaubagaimanapun, setelah pandemik berakhir dan keadaan darurat ditamatkan, potensi pilihanraya umum bakal diadakan akan muncul semula. Jikalau begitu, ia akan menimbulkan gangguan jangka pendek atau kelewatan dari segi pelaksanaan polisi yang berpotensi untuk mengakibatkan turun naik pasaran selanjutnya. Kesimpulannya, COVID-19 nyata sekali kekal sebagai pemboleh ubah ketara dan sebarang pemulihan ekonomi yang kukuh perlu bersandarkan program vaksinasi yang berkesan. Lazimnya, kami seharusnya berhati-hati dan mengamalkan pendirian berhemah namun bijaksana ke arah trajektori pertumbuhan pasaran dalam jangka panjang. Lantaran itu, sementara kami terus mengarahkan dana kepada pelaburan yang baik secara dasarnya, kami akan kekal berjaga-jaga dan menajar semula hala tuju pelaburan kami sekiranya perlu agar selari dengan perubahan persekitaran pasaran. Dari segi penilaian, pasca kejatuhan pasaran ekoran COVID-19 baru-baru ini menyebabkan penilaian pelaburan terpilih berkembang lebih pantas daripada purata sejarah namun ia boleh dikaitkan dengan anggapan bahawa kita berada pada peringkat permulaan kitaran pemulihan perolehan dan tempoh lanjutan kadar faedah rendah. Oleh yang demikian, kami sentiasa berjaga-jaga terhadap kemungkinan mengalami ketaktentuan dalam masa yang terdekat.

## Tinjauan & Kajian Semula Pasaran 2020



Walaupun tahun 2020 akan dikenang oleh kebanyakan pelabur kerana kesan pandemik COVID-19, pasaran ekuiti dunia sebagaimana ditunjuk oleh Indeks MSCI Dunia menyaksikan satu lagi tahun yang mengagumkan, dengan meningkat sebanyak 14.06% yoy selepas menikmati pencapaian 25.19% pada tahun 2019. Saham dunia mengalami penurunan terpanjang yang pernah direkod, tetapi pulih dengan meluas dan mencapai tahap tinggi menjelang hujung tahun, dengan saham teknologi mengatasi prestasi di kebanyakan pasaran. Walaupun pasaran saham meningkat dalam dua tahun ini, tahun 2020 tidak seperti mana-mana tahun sebelumnya bagi para pelabur. Pada bulan Februari dan Mac, pasaran ekuiti dunia mengalami penurunan paling mendadak sebanyak 20% atau lebih semasa jangkitan COVID-19 merebak secara eksponensial diseluruh dunia. Namun menjelang akhir tahun, Indeks MSCI Dunia pulih mengakhiri tahun dengan pencapaian sebanyak 14.06% disokong oleh aras sejarah perbelanjaan kerajaan dan dasar kewangan.

Sepanjang tahun dalam kajian, harga minyak mentah Brent melalui pelbagai peristiwa sukar bermula dengan perang harga antara Arab Saudi dan Rusia pada bulan Mac disebabkan oleh kegagalan perjanjian OPEC+. Ini adalah faktor utama mempengaruhi keadaan yang sudahpun merosot disebabkan oleh COVID-19 berubah menjadi krisis eksistensial bagi kebanyakan syarikat. Kegagalan OPEC+ berlarutan hanya beberapa minggu tetapi ia melarat kepada satu hari yang tidak dapat dilupakan pada bulan April apabila harga West Texas Intermediate berubah menjadi negatif, menurun serendah -USD37.63/tong, sebuah prestasi yang tidak pernah berlaku dahulu. Peristiwa ini didorong oleh kebimbangan dalam kalangan peniaga bahawa simpanan minyak mentah Amerika Syarikat akan menjadi penuh pada satu ketika pada bulan Mei, sewaktu kapal tangki minyak dengan bekalan 50 juta tong minyak mentah Arab Saudi dilaporkan sedang menuju ke kilang penapisan Amerika Syarikat. Meskipun laporan tersebut didapati tidak tepat, kerosakan telahpun berlaku. Menjelang bulan Mei, OPEC+ bersetuju untuk melanjutkan had bekalan sehingga akhir bulan Julai dan harga minyak mentah Brent mula pulih kepada lingkungan USD40/tong. Dengan momentum berita vaksin dan jangkaan pemulihan ekonomi kian bertambah, harga minyak mentah Brent terus meningkat menjelang akhir tahun, mencapai USD51.80/tong pada akhir bulan Disember, menurun 21.5% yoy. Ringgit terus mengukuh kepada RM4.0203: USD1.00 daripada RM4.0910: USD1.00 setahun lalu.

Diperingkat tempatan, FBMKLCI mengatasi prestasi kebanyakan pasaran saham serantau meningkat +2.4% yoy kepada 1,627.21 mata setelah pulih daripada intra-tahun rendah sebanyak 1,219.72 mata pada bulan Mac semasa pandemik COVID-19 merebak di seluruh dunia. Bermula dengan pemulihan pada tahun 2019, keadaan berterusan hingga Januari 2020 berikutan berita bahawa China telah dikeluarkan daripada senarai negara yang memanipulasi mata wang. Sentimen positif disokong oleh data ekonomi dunia yang ketara dan musim pendapatan korporat yang memberangsangkan. Keghairan tersebut berakhir pada hujung bulan disebabkan oleh penularan virus COVID-19 di China yang kemudiannya

## Tinjauan & Kajian Semula Pasaran 2020

Aliran keluar ekuiti  
asing bersih:

**RM24.5b**

2020

(RM11.1b 2019)

Pulangan FBMKLCI 2020

**+2.42%**

yoy

RM: USD  
Kadar Pertukaran 2020

**RM4.0203:  
USD1.00**

(RM4.0910: USD1.00 pada tahun 2019)

2021 IMF  
Ramalan Pertumbuhan Dunia

**+5.5%**

yoy

Ramalan Pertumbuhan KDNK  
Malaysia 2021

**+6.5% sehingga**

**+7.5%**

yoy

diisytiharkan sebagai darurat kesihatan sedunia. Pasaran ekuiti dunia kemudiannya mengalami penjualan mendadak pada bulan Februari diwaktu kebimbangan tentang impak virus COVID-19 terhadap aktiviti ekonomi dan pertumbuhan dunia semakin meningkat. Bank Rakyat China (PBOC) bertindak balas dengan menurunkan kadar faedah pasaran dan melancarkan kredit sokongan untuk sektor korporat serta rangsangan fiskal dalam bentuk potongan cukai sasaran dan pelepasan sumbangan keselamatan sosial oleh perusahaan.

Selepas mencapai kadar rendah tahunan pada bulan Mac, pasaran ekuiti menikmati pemulihan yang banyak berikutan pelonggaran agresif oleh bank-bank pusat dan rangsangan fiskal besar-besaran oleh kerajaan-kerajaan dunia. Kes jangkitan baharu COVID-19 menjadi sederhana dan potensi pengurangan sekatan pergerakan disetengah negara Eropah juga menambahkan sentimen positif. Diperingkat tempatan, BNM mengeluarkan laporan tinjauan ekonomi dan unjuran pertumbuhan KDNK 2020 pada lingkungan +0.5% sehingga -2.0%. Langkah rangsangan Prihatin dianggarkan menambah 2.88 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK. Diperingkat domestik, pasaran Malaysia menikmati prestasi kukuh pada suku kedua tahun 2020 berdasarkan pemulihan harga pasaran oleh syarikat pengeluar sarung tangan dan peningkatan penyertaan pelabur tempatan.

Suku ketiga tahun ini mencatatkan prestasi yang bercampur-baur apabila pelabur memberikan tumpuan kepada tanda-tanda pembukaan semula secara beransur-ansur yang berjaya selepas sekatan pergerakan, mengurangkan kebimbangan mengenai kekecohan awam di bandar-bandar utama Amerika Syarikat. Sentimen semakin meningkat apabila Rizab Persekutuan (Fed) meluaskan program pinjaman darurat untuk kerajaan-kerajaan tempatan dan negeri yang merangkumi peminjam yang lebih kecil. Pasaran ekuiti dunia semakin meningkat pada bulan Julai dan Ogos ketika langkah sokongan dasar yang sedang berlangsung, tanda-tanda pemulihan ekonomi berlarutan dengan harapan untuk penghasilan vaksin COVID-19. Ekuiti Amerika Syarikat sebagaimana diwakili oleh S&P 500 mencapai puncak baharu pada bulan Ogos, sebahagian besarnya didorong oleh kemajuan saham teknologi.

Permulaan suku keempat menyaksikan langkah sekatan pergerakan baharu oleh kebanyakan kerajaan apabila jumlah kes global COVID-19 meningkat kepada lebih daripada 46.4 juta dengan kematian meningkat kepada 1.19 juta. Pada bulan November, pasaran global memasuki mod risiko apabila pelabur berubah fikiran disebabkan oleh pilihanraya presiden Amerika Syarikat. Ekuiti Amerika Syarikat menyambut prospek jawatan presiden yang dimenangi oleh Joe Biden dengan perpecahan kongres sementara aliran berita meluas tentang kejayaan vaksin COVID-19 memarakkan lagi sentimen pemulihan pasaran ke arah aliran menarik. Meskipun kes COVID-19 dan sekatan pergerakan tempatan meningkat di Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah, aset berisiko terus pulih pada bulan Disember, walaupun wujud kebimbangan tentang strain COVID-19 baharu yang pertama ditemui di United Kingdom. Pelancaran program vaksin COVID-19 juga telah bermula di beberapa buah negara selama sebulan. Kebimbangan reda pada akhir bulan tersebut apabila persetujuan Brexit dicapai dan pakej rangsangan fiskal Amerika Syarikat diluluskan.

Di peringkat tempatan, Indeks FBMS Shariah (+10.14%), Indeks FBMS Small Cap (+9.89%) dan FBM100 (+3.49%) kesemuanya mengatasi prestasi sederhana FBMKLCI (+2.42%).

Aliran keluar ekuiti asing bersih tahun 2020 Malaysia adalah RM24.5 bilion berbanding dengan aliran keluar sebanyak RM11.1 bilion pada tahun 2019. Sementara itu, prestasi rakan negara ASEAN adalah lebih buruk. Bursa Saham Thailand jatuh 8.26% yoy manakala Indeks Komposit Bursa Saham Jakarta, Indonesia menurun sebanyak 5.09% yoy. Indeks Komposit Straits Times, Singapura jatuh 11.76% yoy.



## Tinjauan & Kajian Semula Pasaran 2020

Pada bulan Jun, S&P mengesahkan semula penarafan Malaysia pada A- tetapi menyemak semula tinjauan kepada negatif untuk menggambarkan risiko penurunan tambahan kepada metrik fiskal kerajaan diwaktu kelemahan unjuran ekonomi dunia yang lemah dan ketidakpastian polisi domestik. Begitu juga Fitch yang menurunkan Kadar Mungkir Penerbit Mata Wang Asing Jangka Pendek Malaysia (IDR) kepada Negatif daripada Stabil pada April 2020 dan kemudian menurunkan penarafan kedaulatan kepada BBB+/stabil daripada A-/negatif pada Disember 2020.

Meskipun berlaku penurunan penarafan, aliran asing kumulatif bagi bon Ringgit adalah mengagumkan, iaitu positif bersih pada RM18.3 bilion (2019: +RM19.9b) dan tiada penjualan utama. Pemegang asing adalah lebih tinggi bagi MGS+GII pada 24.9% (terendah pada April 2020: 21.7%). Keputusan FTSE Russell untuk melanjutkan polisi Malaysia dalam senarai pantau kepada sekurang-kurangnya enam bulan memberi sedikit kelegaan kepada pasaran bon. FTSE Russell mengiktiraf inisiatif tambahan oleh BNM sepanjang 12 bulan lepas untuk memperbaiki aksesibiliti pasaran bon Malaysia untuk pelabur asing. BNM pula menegaskan semula komitmennya untuk memastikan kecairan mencukupi dengan menggunakan MGS/MGII bagi memenuhi pematuhan nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) sehingga Disember 2022 (dari Mei 2021) yang merupakan langkah positif bagi pasaran bon. Secara yoy, lengkung bull semakin curam dengan MGS tiga-tahun dan MGS 10 tahun mengakhiri tahun dengan masing-masing pada 1.88% (-112 mata asas) dan 2.65% (-65 mata asas).

### Tinjauan

Ekonomi Malaysia kembali kukuh pada suku ketiga tahun 2020 berikutan pelanggaran PKP. Sama seperti tindakan kerajaan-kerajaan lain diseluruh dunia, hasil daripada penggunaan dasar fiskal dan kewangan yang agresif untuk menghentikan kemerosotan ekonomi ditunjukkan dalam momentum pemulihan ekonomi secara beransur-ansur apabila

KDNK Malaysia pada suku ketiga 2020 menyusut hanya sebanyak 2.6% yoy berbanding dengan penguncupan teruk sebanyak 17.1% pada suku kedua tahun 2020. Dengan pelaksanaan sekatan pergerakan yang lebih ketat, KDNK pada suku keempat tahun 2020 menguncup sebanyak 3.4% yoy, menyebabkan penguncupan KDNK setahun penuh kepada 5.5% yoy, sedikit tinggi berbanding dengan semakan ramalan pertumbuhan KDNK oleh BNM sebanyak -3.5% sehingga -5.5% yoy.

Pelbagai pakej rangsangan ekonomi diperkenalkan untuk melindungi pekerjaan, memastikan kelangsungan perniagaan dan menawarkan bantuan sosial untuk merencanakan pemulihan ekonomi. Oleh yang demikian, defisit bagi belanjawan 2020 dianggarkan akan mencapai 6.0% berbanding dengan unjuran awal pada 3.2%. Sementara itu, BNM mengambil pendekatan yang tidak pernah berlaku dengan memotong kadar faedah sebanyak kumulatif 125 mata asas pada tahun 2020, memberikan persekitaran akomodasi untuk ekonomi.

Bagaimanapun, disebabkan oleh peningkatan kes COVID-19 pada peringkat tempatan, kerajaan Malaysia memperkenalkan langkah bersasar di beberapa buah negeri pada suku keempat 2020 yang memberi kesan kepada momentum pemulihan. Pemulihan permintaan global dalam permintaan dunia, perubahan mendadak dalam perbelanjaan sektor awam dan swasta serta sokongan berterusan daripada polisi-polisi menjadi tunggak utama untuk keadaan yang lebih baik pada tahun 2021 meskipun tahap pemulihan berbeza mengikut industri. Kerajaan Malaysia mengunjurkan pertumbuhan KDNK untuk 2020 sebanyak 6.5%-7.5% berdasarkan peningkatan mendadak dalam beberapa industri tertentu. Penggunaan swasta dijangka meningkat sebanyak 7.1% yoy dan kekal sebagai penyumbang terbesar bagi pertumbuhan ekonomi negara.

Kecairan semasa yang mencukupi akan berlarutan sehingga tahun 2021, dan memberi persekitaran yang sesuai untuk pasaran ekuiti menempuh momentum pemulihan. BNM menegaskan semula pendirian akomodatif bagi polisi kewangan dan kekal komited untuk menggunakan desakan polisi untuk mewujudkan keadaan yang membolehkan pemulihan ekonomi yang mampan. Oleh yang demikian, perkembangan pandemik COVID-19 akan terus menentukan hala tuju pasaran pada tahun 2021. Ini termasuklah trend kadar jangkitan dan kematian berkaitan, seiring dengan kepastian dan keberkesanan vaksin yang diberikan. Oleh itu, pasaran pendapatan tetap dan ekuiti masih tertakluk kepada keadaan yang ketaktentuan. Sehubungan dengan itu, kami akan mengamalkan pendirian berhemah namun bersikap wajar kearah trajektori pertumbuhan jangka panjang pasaran. Kami akan terus mengarahkan dana kepada pelaburan yang baik sementara berjaga-jaga dalam menjajarkan semula hala tuju pelaburan selaras dengan perubahan persekitaran.



# DANA EKUITI ALLIANZ LIFE

- 09 Jadual Perbandingan Prestasi
- 10 Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan
- 11 Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor
- 11 Peruntukan Portfolio
- 12 Prestasi Dana Ekuiti Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya
- 13 Penyata Aset dan Liabiliti
- 14 Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 15 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

## Jadual Perbandingan Prestasi

	TK2016	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>					
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM/unit)	4.975	5.958	4.776	4.924	<b>4.787</b>
Unit dalam Edaran	38,455,612	44,619,230	53,574,150	64,884,012	<b>79,259,207</b>
Jumlah NAV (RM)	190,516,579	264,675,232	254,775,619	318,137,537	<b>377,760,235</b>
NAV Tertinggi (RM/unit)	5.152	5.958	6.203	5.143	<b>4.984</b>
NAV Terendah (RM/unit)	4.639	5.003	4.655	4.744	<b>3.420</b>
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	1.68	19.76	(19.84)	3.10	<b>(2.78)</b>
Penanda Aras: Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 Teratas (%)	(2.45)	12.74	(9.28)	(2.88)	<b>3.49</b>
<b>Pecahan Pulangan Tahunan Dana</b>					
Pertumbuhan Modal (%)	1.56	19.45	(20.28)	2.67	<b>(1.05)</b>
Agihan Pendapatan (%)	0.12	0.31	0.44	0.43	<b>(1.73)</b>

## Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

	TK2016	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>					
Pelaburan dalam:					
Dana Induk ASEAN Plus	2.09%	1.27%	1.40%	1.29%	<b>1.34%</b>
Dana Induk Ekuiti	85.87%	87.71%	80.83%	84.74%	<b>88.99%</b>
Ekuiti	5.22%	1.00%	0.67%	0.00%	<b>0.00%</b>
Amanah Saham	0.00%	1.80%	2.00%	1.74%	<b>1.55%</b>
Tunai & Deposit	6.82%	8.22%	15.10%	12.23%	<b>8.12%</b>

	Satu-Tahun (Jan 20 - Dis 20)	Tiga-Tahun (Jan 18 - Dis 20)	Lima-Tahun (Jan 16 - Dis 20)
<b>Pulangan Tahunan Purata</b>			
Pulangan Tahunan Purata Dana	(2.78%)	(7.03%)	<b>(0.44%)</b>
Pulangan Tahunan Purata Penanda Aras	3.49%	(3.03%)	<b>0.05%</b>

### Objektif dan Strategi Pelaburan

Dana ini adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang melalui pelaburan dalam ekuiti dan sekuriti berkait ekuiti.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, sekatan dan batasan pelaburan sepanjang tahun kewangan.

### Agihan Pendapatan

Tiada sebarang pengagihan dibuat atau dicadangkan sepanjang tahun kewangan.

### Caj Pengurusan Dana

Caj pengurusan dana sebanyak 1.43% dikenakan ke atas dana.


## Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor

	TK2016	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>					
Budi Bicara Pengguna	9.90%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Perindustrian	69.01%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Amanah Pelaburan Hartanah (Reits)	21.09%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Teknologi	0.00%	0.00%	100.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Perkhidmatan/Perdagangan	0.00%	100.00%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>

## Peruntukan Portfolio

	Jumlah Unit Dipegang	Kos (RM'000)	Nilai Pasaran (RM'000)	Peratusan Nilai Aset Bersih (%)
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>				
<b>PELABURAN</b>				
Pelaburan dalam Dana Induk ASEAN Plus	8,127,085	4,941.36	5,046.92	1.34
Pelaburan dalam Dana Induk Ekuiti	132,084,045	306,561.84	336,153.90	88.99
<b>ASET ASING: UNIT AMANAH SAHAM</b>				
RDPT MANDIRI INFRASTRUKTUR EKUITAS	15,751,466	5,068.83	5,859.97	1.55
<b>DEPOSIT TETAP/PASARAN KEWANGAN:</b>				
HONG LEONG BANK BERHAD	20,302,623	20,302.62	20,302.62	5.37
RHB BANK BERHAD	10,000,000	10,000.00	10,000.00	2.65

# Prestasi Dana Ekuiti Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya



# Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2020

	2020 RM'000	2019 RM'000
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>		
<b>ASET</b>		
Pelaburan		
Pelaburan dalam Dana Induk ASEAN Plus	5,047	4,096
Pelaburan dalam Dana Induk Ekuiti	336,154	269,584
Aset asing	5,860	5,539
Deposit tetap/pasaran kewangan	30,303	35,103
Tunai dan baki bank	229	2,514
Faedah dan dividen belum terima	243	352
Lain-lain belum terima	348	1,436
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>378,184</b>	318,624
<b>LIABILITI</b>		
Liabiliti cukai tertunda	63	38
Manfaat dan tuntutan liabiliti	361	449
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>424</b>	487
<b>NILAI ASET BERSIH DANA</b>	<b>377,760</b>	318,137
<b>DIWAKILI OLEH:</b>		
Modal pemegang polisi	344,120	281,252
Perolehan tertahan	33,640	36,885
	<b>377,760</b>	318,137
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	<b>4.787</b>	4.924

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

## Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020

	Modal Pemegang Polisi RM'000	Perolehan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>			
<b>Pada 1 Januari 2019</b>	225,402	29,373	254,775
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	70,420	-	70,420
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(14,570)	-	(14,570)
Keuntungan bagi tahun	-	7,512	7,512
<b>Pada 31 Disember 2019/1 Januari 2020</b>	<b>281,252</b>	<b>36,885</b>	<b>318,137</b>
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	<b>77,283</b>	-	<b>77,283</b>
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	<b>(14,415)</b>	-	<b>(14,415)</b>
Kerugian bagi tahun	-	<b>(3,425)</b>	<b>(3,425)</b>
<b>Pada 31 Disember 2020</b>	<b>344,120</b>	<b>33,640</b>	<b>377,760</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.



# Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020

	2020 RM'000	2019 RM'000
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>		
<b>PENDAPATAN PELABURAN BERSIH</b>		
Pendapatan faedah	951	1,485
Pendapatan dividen	14	145
Keuntungan bersih/(Kerugian) direalisasi ke atas pelupusan pelaburan	976	(107)
(Kerugian)/Keuntungan tidak direalisasi dalam nilai pelaburan	(263)	10,062
(Kerugian)/Keuntungan tidak direalisasi ke atas tukaran asing	(121)	154
Lain-lain pendapatan	28	52
	<b>1,585</b>	11,791
<b>DITOLAK: PERBELANJAAN</b>		
Yuran pengurusan	(4,471)	(4,131)
<b>(KERUGIAN)/KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI</b>	<b>(2,886)</b>	7,660
<b>PERBELANJAAN CUKAI</b>	<b>(359)</b>	(148)
<b>(KERUGIAN)/KEUNTUNGAN BAGI TAHUN</b>	<b>(3,245)</b>	7,512
Perolehan tertahan dibawa ke hadapan	36,885	29,373
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	33,640	36,885

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

# DANA TERURUS ALLIANZ LIFE

- 17 Jadual Perbandingan Prestasi
- 18 Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan
- 19 Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor
- 19 Peruntukan Portfolio
- 20 Prestasi Dana Terurus Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya
- 21 Penyata Aset dan Liabiliti
- 22 Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 23 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

## Jadual Perbandingan Prestasi

	TK2016	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>					
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM/unit)	4.863	5.445	4.968	5.184	<b>5.217</b>
Unit dalam Edaran	116,363,199	139,882,296	168,717,724	206,180,784	<b>252,156,554</b>
Jumlah NAV (RM)	564,713,584	759,887,142	836,310,739	1,066,690,298	<b>1,312,318,514</b>
NAV Tertinggi (RM/unit)	4.962	5.445	5.562	5.242	<b>5.292</b>
NAV Terendah (RM/unit)	4.638	4.877	4.904	4.955	<b>4.397</b>
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	2.25	11.97	(8.76)	4.35	<b>0.64</b>
Penanda Aras: 50% Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 Teratas & 50% Kadar FD 12-bulan Maybank (%)	0.44	7.87	(2.99)	0.21	<b>3.36</b>
<b>Pecahan Pulangan Tahunan Dana</b>					
Pertumbuhan Modal (%)	2.07	11.76	(9.14)	3.99	<b>0.57</b>
Agihan Pendapatan (%)	0.18	0.21	0.38	0.36	<b>0.07</b>

## Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

	TK2016	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>					
Pelaburan dalam:					
Dana Induk Ekuiti	47.45%	47.48%	50.63%	46.04%	<b>43.37%</b>
Dana Induk Bon	45.94%	43.80%	37.69%	43.50%	<b>49.31%</b>
Ekuiti	1.43%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Amanah Saham	0.00%	1.13%	1.10%	0.93%	<b>0.80%</b>
Tunai dan Deposit	5.18%	7.59%	10.58%	9.53%	<b>6.52%</b>

	Satu-Tahun (Jan 20 - Dis 20)	Tiga-Tahun (Jan 18 - Dis 20)	Lima-Tahun (Jan 16 - Dis 20)
<b>Pulangan Tahunan Purata</b>			
Pulangan Tahunan Purata Dana	0.64%	(1.42%)	<b>1.87%</b>
Pulangan Tahunan Purata Penanda Aras	3.36%	0.16%	<b>1.71%</b>

### Objektif dan Strategi Pelaburan

Dana ini adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang menerusi pelaburan dalam pelbagai ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti, sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, sekatan dan batasan pelaburan sepanjang tahun kewangan

### Agihan Pendapatan

Tiada sebarang pengagihan dibuat atau dicadangkan sepanjang tahun kewangan.

### Caj Pengurusan Dana

Caj pengurusan dana sebanyak 1.23% dikenakan ke atas dana.

## Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor


	TK2016	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>					
Budi Bicara Pengguna	34.86%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Perindustrian	65.14%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>

## Peruntukan Portfolio

	Jumlah Unit Dipegang	Kos (RM'000)	Nilai Pasaran (RM'000)	Peratusan Nilai Aset Bersih (%)
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>				
<b>PELABURAN</b>				
Pelaburan dalam Dana Induk Bon	320,292,488	451,279.75	569,159.75	43.37
Pelaburan dalam Dana Induk Ekuiti	254,253,279	622,110.29	647,074.60	49.31
<b>ASET ASING: AMANAH SAHAM</b>				
RDPT MANDIRI INFRASTRUKTUR EKUITAS	28,343,084	9,120.82	10,544.39	0.80
<b>DEPOSIT TETAP/PASARAN KEWANGAN:</b>				
HONG LEONG BANK BERHAD	34,317,181	34,317.18	34,317.18	2.61
RHB BANK BERHAD	35,000,000	35,000.00	35,000.00	2.67
RHB ISLAMIC BANK	15,000,000	15,000.00	15,000.00	1.14

02  
03  
04  
05  
06  
07  
08  
09  
10  
11  
12  
13  
14  
15  
16  
17  
18  
19

# Prestasi Dana Terurus Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya



# Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2020

	2020 RM'000	2019 RM'000
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>		
<b>ASET</b>		
Pelaburan		
Pelaburan Dana Induk Bon	569,160	491,139
Pelaburan Dana Induk Ekuiti	647,075	464,019
Aset Asing	10,544	9,967
Deposit tetap/pasaran kewangan	84,317	96,609
Tunai dan baki bank	206	670
Faedah dan dividen belum terima	1,267	1,343
Lain-lain belum terima	1,899	5,110
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>1,314,468</b>	1,068,857
<b>LIABILITI</b>		
Liabiliti cukai tertunda	114	68
Manfaat dan tuntutan liabiliti	1,784	1,983
Lain-lain belum bayar	252	116
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>2,150</b>	2,167
<b>NILAI ASET BERSIH DANA</b>	<b>1,312,318</b>	1,066,690
<b>DIWAKILI OLEH:</b>		
Modal Pemegang Polisi	1,193,775	964,999
Perolehan Tertahan	118,543	101,691
	<b>1,312,318</b>	1,066,690
Nilai Aset Seunit (RM)	5.217	5.184

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

## Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020

	Modal Pemegang Polisi RM'000	Perolehan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>			
<b>Pada 1 Januari 2019</b>	772,712	63,598	836,310
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	243,756	-	243,756
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(51,469)	-	(51,469)
Keuntungan bagi tahun	-	38,093	38,093
<b>Pada 31 Disember 2019/1 Januari 2020</b>	<b>964,999</b>	<b>101,691</b>	<b>1,066,690</b>
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	<b>275,358</b>	-	<b>275,358</b>
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	<b>(46,582)</b>	-	<b>(46,582)</b>
Keuntungan bagi tahun	-	<b>16,852</b>	<b>16,852</b>
<b>Pada 31 Disember 2020</b>	<b>1,193,775</b>	<b>118,543</b>	<b>1,312,318</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.



# Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020

	2020 RM'000	2019 RM'000
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>		
<b>PENDAPATAN PELABURAN BERSIH</b>		
Pendapatan faedah	3,354	3,880
Pendapatan dividen	25	262
(Kerugian)/Keuntungan bersih direalisasi ke atas pelupusan pelaburan	(1,976)	1,903
Keuntungan tidak direalisasi dalam nilai pelaburan	29,680	43,532
(Kerugian)/Keuntungan tidak direalisasi ke atas tukaran asing	(218)	277
Lain-lain pendapatan	-	68
	<b>30,865</b>	49,922
<b>DITOLAK: PERBELANJAAN</b>		
Yuran pengurusan	(13,661)	(11,455)
Lain-lain perbelanjaan	(15)	-
<b>KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI</b>	<b>17,189</b>	38,467
<b>PERBELANJAAN CUKAI</b>	<b>(337)</b>	(374)
<b>KEUNTUNGAN BAGI TAHUN</b>	<b>16,852</b>	38,093
Perolehan tertahan dibawa ke hadapan	101,691	63,598
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	118,543	101,691

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini

# DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE

- 25 Jadual Perbandingan Prestasi
- 26 Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan
- 27 Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor
- 27 Portfolio Ekuiti Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life
- 28 Peruntukan Portfolio
- 31 Prestasi Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya
- 32 Penyata Aset dan Liabiliti
- 33 Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 34 Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

## Jadual Perbandingan Prestasi

	TK2016	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE</b>					
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM/unit)	2.108	2.489	1.988	2.087	<b>1.972</b>
Unit dalam Edaran	36,073,110	37,769,542	40,436,480	43,832,399	<b>48,477,570</b>
Jumlah NAV (RM)	76,356,407	94,412,776	80,745,936	91,899,617	<b>95,986,548</b>
NAV Tertinggi (RM/unit)	2.174	2.489	2.583	2.175	<b>2.114</b>
NAV Terendah (RM/unit)	2.022	2.116	1.932	1.975	<b>1.358</b>
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	0.00	18.07	(20.13)	4.98	<b>(5.51)</b>
Penanda Aras: Indeks FTSE Bursa Malaysia Emas (%)	(2.77)	12.87	(10.93)	(1.77)	<b>3.87</b>
<b>Pecahan Pulangan Tahunan Dana</b>					
Pertumbuhan Modal (%)	0.00	15.34	(22.92)	2.30	<b>(10.09)</b>
Agihan Pendapatan (%)	0.00	2.73	2.79	2.68	<b>4.58</b>

## Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

	TK2016	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE</b>					
Ekuiti	86.90%	85.95%	80.79%	90.88%	<b>85.94%</b>
Amanah Saham	0.00%	1.88%	2.36%	2.25%	<b>2.28%</b>
Tunai dan Deposit	13.10%	12.17%	16.85%	6.87%	<b>11.78%</b>

	Satu-Tahun (Jan 20 - Dis 20)	Tiga-Tahun (Jan 18 - Dis 20)	Lima-Tahun (Jan 16 - Dis 20)
<b>Pulangan Tahunan Purata</b>			
Pulangan Tahunan Purata Dana	(5.51%)	(7.47%)	<b>(1.32%)</b>
Pulangan Tahunan Purata Penanda Aras	3.87%	(3.14%)	<b>(0.05%)</b>

### Objektif dan Strategi Pelaburan

Dana ini adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan mencapai pertumbuhan modal yang unggul dalam jangka masa sederhana hingga panjang menerusi pelaburan di dalam pelbagai portfolio saham dengan penumpuan terhadap syarikat-syarikat bersaiz kecil hingga sederhana.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan batasan pelaburan sepanjang tahun kewangan.

### Agihan Pendapatan

Tiada sebarang pengagihan dibuat atau dicadangkan sepanjang tahun kewangan.


### Caj Pengurusan Dana

Caj pengurusan dana sebanyak 1.45% dikenakan ke atas dana.

## Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor

	TK2016	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE</b>					
Pembinaan	11.67%	10.13%	2.95%	4.10%	<b>3.80%</b>
Produk & Perkhidmatan Pengguna	2.08%	1.78%	0.00%	12.89%	<b>10.70%</b>
Keperluan Pengguna	2.36%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Tenaga	0.00%	0.00%	0.00%	14.40%	<b>6.12%</b>
Perkhidmatan Kewangan	20.14%	22.16%	28.64%	21.70%	<b>29.92%</b>
Penjagaan Kesihatan	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>13.04%</b>
Produk & Perkhidmatan Perindustrian	9.35%	11.09%	14.11%	14.97%	<b>5.16%</b>
Perindustrian	1.30%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Syarikat Projek Prasarana	1.99%	1.63%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Perladangan	3.16%	2.01%	2.13%	4.22%	<b>8.61%</b>
Hartanah	5.09%	10.40%	4.87%	4.53%	<b>3.46%</b>
Amanah Pelaburan Hartanah (Reits)	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>0.98%</b>
Teknologi	0.00%	0.00%	1.73%	4.43%	<b>6.11%</b>
Telekomunikasi & Media	0.00%	0.00%	0.00%	6.84%	<b>4.23%</b>
Perdagangan/Perkhidmatan	42.86%	40.80%	45.57%	0.00%	<b>0.00%</b>
Pengangkutan & Logistik	0.00%	0.00%	0.00%	1.76%	<b>1.39%</b>
Utiliti	0.00%	0.00%	0.00%	10.16%	<b>6.48%</b>

## Portfolio Ekuiti Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life



# Peruntukan Portfolio

	Jumlah Unit Dipegang	Kos (RM'000)	Nilai Pasaran (RM'000)	Peratusan Nilai Aset Bersih (%)
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE</b>				
<b>SEKURITI EKUITI KORPORAT</b>				
<b>PEMBINAAN</b>				
ECONPILE HOLDINGS BERHAD	1,550,500	793.19	806.26	0.84
GABUNGAN AQRS BERHAD	1,425,106	1,895.65	969.07	1.01
GAMUDA BERHAD	337,200	1,205.71	1,311.71	1.37
<b>PRODUK &amp; PERKHIDMATAN PENGGUNA</b>				
DRB-HICOM	484,100	950.28	1,006.93	1.05
GENTING BERHAD	678,500	3,599.65	3,026.11	3.15
GENTING MALAYSIA BERHAD	1,446,900	3,728.16	3,892.16	4.05
KPOWER BERHAD	125,100	285.93	904.47	0.94
<b>TENAGA</b>				
DIALOG GROUP BERHAD	575,400	1,691.08	1,985.13	2.07
HIBISCUS PETROLEUM	3,227,600	1,725.58	1,872.01	1.95
YINSON HOLDINGS BERHAD	192,300	1,246.33	1,105.73	1.15
<b>PERKHIDMATAN KEWANGAN</b>				
AMMB HOLDINGS BERHAD	502,000	1,782.36	1,832.30	1.91
BURSA MALAYSIA BERHAD	499,000	4,216.35	4,141.70	4.31
CIMB GROUP HOLDING BERHAD	1,201,741	5,605.09	5,167.49	5.38
HONG LEONG BANK BERHAD	146,000	2,492.44	2,657.20	2.77
HONG LEONG FINANCIAL GROUP BHD	130,670	2,000.14	2,359.90	2.46
MALAYAN BANKING BERHAD	451,753	3,697.68	3,821.83	3.98
RHB BANK BHD	862,703	4,457.15	4,701.73	4.90
<b>PENJAGAAN KESIHATAN</b>				
HARTALEGA HOLDINGS	65,700	1,005.12	797.60	0.83
KOSSAN RUBBER INDUSTRIES BERHAD	305,000	2,020.02	1,372.50	1.43
SUPERMAX CORPORATION BERHAD	293,137	2,151.44	1,761.75	1.84
TOP GLOVE CORPORATION BERHAD	1,114,700	7,480.39	6,821.96	7.11

## Peruntukan Portfolio (sambungan)


	Jumlah Unit Dipegang	Kos (RM'000)	Nilai Pasaran (RM'000)	Peratusan Nilai Aset Bersih (%)
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE (SAMBUNGAN)</b>				
<b>PRODUK &amp; PERKHIDMATAN PERINDUSTRIAN</b>				
CAHYA MATA SARAWAK BERHAD	136,000	295.23	288.32	0.30
D'NONCE TECHNOLOGY BERHAD	1,328,700	859.61	664.35	0.69
KELINGTON GROUP BERHAD	578,100	979.96	976.99	1.02
PIE INDUSTRIAL BERHAD	269,700	576.82	652.67	0.68
SCICOM (MSC) BERHAD	414,300	381.56	385.30	0.40
SKP RESOURCES BERHAD	600,800	828.05	1,291.72	1.35
<b>PERLADANGAN</b>				
GENTING PLANTATIONS BERHAD	160,000	1,616.05	1,576.00	1.64
KUALA LUMPUR KEPONG (MALAYSIAN) BERHAD	140,500	3,271.42	3,327.04	3.47
SIME DARBY PLANTATION BERHAD	151,003	782.99	753.50	0.79
TA ANN HOLDINGS BERHAD	477,000	1,479.19	1,445.31	1.51
<b>HARTANAH</b>				
LBS BINA GROUP BERHAD	2,381,772	1,760.87	1,000.34	1.04
LBS BINA GROUP BERHAD - SHARE KEUTAMAAN	181,000	199.10	130.32	0.14
SIME DARBY PROPERTY BERHAD	1,969,103	1,704.83	1,309.45	1.36
UEM SUNRISE BERHAD	851,500	386.21	396.74	0.41
<b>TEKNOLOGI</b>				
GHL SYSTEMS BERHAD	280,000	495.56	532.00	0.55
INARI AMERTRON BERHAD	758,900	1,869.27	2,094.56	2.18
MY EG SERVICES BERHAD	1,256,137	1,768.37	2,411.78	2.51
<b>TELEKOMUNIKAS &amp; MEDIA</b>				
ASTRO MALAYSIA HOLDINGS	1,712,400	2,057.44	1,549.72	1.61
AXIATA GROUP BERHAD	518,652	2,147.86	1,939.76	2.02
<b>PENGANGKUTAN &amp; LOGISTIK</b>				
MISC BERHAD	166,800	1,204.94	1,145.92	1.19

## Peruntukan Portfolio (sambungan)

	Jumlah Unit Dipegang	Kos (RM'000)	Nilai Pasaran (RM'000)	Peratusan Nilai Aset Bersih (%)
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE (SAMBUNGAN)</b>				
<b>UTILITI</b>				
SALCON BERHAD	2,150,000	666.10	559.00	0.58
TENAGA NASIONAL BERHAD	402,800	4,641.02	4,197.18	4.37
YTL CORPORATION BERHAD	769,900	601.44	588.97	0.61
<b>WARAN</b>				
ECO WORLD INTL BERHAD	254,680	-	16.55	0.02
ECONBERHAD-WA	175,000	-	17.50	0.02
GABUNGAN AQRS BERHAD	179,350	-	30.49	0.03
SERBA DINAMIK HOLDINGS BHD	416,700	-	85.42	0.09
<b>PELABURAN LAIN</b>				
Amanah Pelaburan Hartanah (Reits)				
KIP REIT	1,000,000	862.74	810.00	0.84
<b>ASET ASING: AMANAH SAHAM</b>				
RDPT MANDIRI INFRASTRUKTUR EKUITAS	5,877,741	1,891.46	2,186.68	2.28
<b>DEPOSIT TETAP/PASARAN KEWANGAN:</b>				
CIMB BANK BERHAD	4,001,342	4,001.34	4,001.34	4.17
HONG LEONG BANK BERHAD	7,550,805	7,550.81	7,550.81	7.87



# Prestasi Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya



## Penyata Aset dan Liabiliti

Pada 31 Dismeber 2020

	2020 RM'000	2019 RM'000
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE</b>		
<b>ASET</b>		
Pelaburan		
Sekuriti ekuiti korporat	<b>81,682</b>	83,518
Pelaburan lain	<b>810</b>	-
Aset asing	<b>2,187</b>	2,067
Deposit tetap/pasaran kewangan	<b>11,552</b>	5,802
Tunai dan baki bank	<b>212</b>	840
Faedah dan dividen belum terima	<b>323</b>	39
Lain-lain belum terima	<b>115</b>	187
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>96,881</b>	92,453
<b>LIABILITI</b>		
Liabiliti cukai tertunda	-	123
YTL CORPORATION BERHAD	89,646	70.07	68.58	1.09
<b>WARAN</b>				
SERBA DINAMIK HOLDINGS BHD	10,800	-	2.21	0.04
<b>ASET ASING</b>				
<b>PERKHIDMATAN KEWANGAN</b>				
BANK CENTRAL ASIA TBK PT	27,000	151.34	262.05	4.15
BANK MANDIRI	28,000	52.94	50.78	0.80
DBS GROUP HOLDINGS LTD	3,700	264.69	282.27	4.47
OVERSEA CHINESE BANKING CORP LTD	9,000	341.66	275.85	4.37
UNITED OVERSEAS BANK LTD	4,000	334.99	275.30	4.36

## Peruntukan Portfolio (sambungan)

	Jumlah Unit Dipegang	Kos (RM'000)	Nilai Pasaran (RM'000)	Peratusan Nilai Aset Bersih (%)
<b>DANA INDUK ASEAN PLUS ALLIANZ LIFE (SAMBUNGAN)</b>				
<b>SEKURITI EKUITI KORPORAT (SAMBUNGAN):</b>				
<b>PERJUDIAN</b>				
GENTING SINGAPORE LTD	26,900	69.41	69.66	1.10
<b>PRODUK &amp; PERKHIDMATAN PERINDUSTRIAN</b>				
ASTRA INTERNATIONAL TBK PT	69,000	162.78	119.20	1.89
MICRO-MECHANICS HOLDINGS LTD	9,300	51.67	76.50	1.21
<b>HARTANAH</b>				
ERAWAN GROUP PCL	104,500	56.10	50.60	0.80
ERAWAN GROUP PCL	6,000	32.25	22.67	0.36
PAKUWON JATI TBK PT	326,000	58.63	47.67	0.76
<b>TELEKOMUNIKASI &amp; MEDIA</b>				
TELEKOMUNIKASI INDONESIA PERSERO	110,000	81.81	104.40	1.65
<b>DEPOSIT TETAP/PASARAN WANG:</b>				
CIMB BANK BERHAD	350,000	350.06	350.06	5.55

02  
03  
04  
05  
06  
07  
08  
09  
10  
11  
12  
13  
14  
15  
16  
17  
18  
19

# Prestasi Dana Induk ASEAN Plus Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya



# Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2020

	2020 RM'000	2019 RM'000
<b>DANA INDUK ASEAN PLUS ALLIANZ LIFE</b>		
<b>ASETS</b>		
Pelaburan		
Sekuriti ekuiti korporat	<b>4,196</b>	2,911
Aset asing	<b>1,637</b>	1,896
Deposit tetap/pasaran wang	<b>350</b>	100
Tunai dan baki bank	<b>119</b>	222
Faedah dan dividen belum terima	<b>20</b>	2
Lain-lain belum terima	-	47
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>6,322</b>	5,178
<b>LIABILITI</b>		
Liabiliti cukai tertunda	<b>8</b>	9
Lain-lain belum bayar	<b>3</b>	52
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>11</b>	61
<b>NILAI ASET BERSIH DANA</b>	<b>6,311</b>	5,117
<b>DIWAKILI OLEH:</b>		
Modal pemegang polisi	<b>5,748</b>	4,517
Perolehan tertahan	<b>563</b>	600
	<b>6,311</b>	5,117
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	<b>0.621</b>	0.635

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

## Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020

	Modal Pemegang Polisi RM'000	Perolehan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000
<b>DANA INDUK ASEAN PLUS ALLIANZ LIFE</b>			
<b>Pada 1 Januari 2019</b>	4,156	285	4,441
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	502	-	502
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(141)	-	(141)
Keuntungan bagi tahun	-	315	315
<b>Pada 31 Disember 2019/1 Januari 2020</b>	<b>4,517</b>	<b>600</b>	<b>5,117</b>
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	1,530	-	1,530
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(299)	-	(299)
Kerugian bagi tahun	-	(37)	(37)
<b>Pada 31 Disember 2020</b>	<b>5,748</b>	<b>563</b>	<b>6,311</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

# Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020

	2020 RM'000	2019 RM'000
<b>DANA INDUK ASEAN PLUS ALLIANZ LIFE</b>		
<b>PENDAPATAN PELABURAN BERSIH</b>		
Pendapatan faedah	2	2
Pendapatan dividen	171	166
Kerugian bersih direalisasi ke atas pelupusan pelaburan	(169)	(159)
Keuntungan tidak direalisasi dalam nilai pelaburan	1	305
(Kerugian)/Keuntungan tidak direalisasi ke atas pertukaran asing	(13)	29
	<b>(8)</b>	343
<b>DITOLAK: PERBELANJAAN</b>		
Yuran pengurusan	(19)	(19)
Yuran jagaan	(20)	(6)
Lain-lain perbelanjaan	-	(5)
<b>(KERUGIAN)/KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI</b>	<b>(47)</b>	313
<b>PENDAPATAN CUKAI</b>	<b>10</b>	2
<b>(KERUGIAN)/KEUNTUNGAN BAGI TAHUN</b>	<b>(37)</b>	315
Perolehan tertahan dibawa ke hadapan	600	285
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	563	600

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

# LAMPIRAN

- 151 Nota-nota kepada Penyata Kewangan
- 158 Kenyataan oleh Pengurus
- 159 Laporan Juruaudit Bebas
- 161 Rangkaian Pejabat Allianz Life Insurance Malaysia Berhad



# Nota-nota kepada Penyata Kewangan

## 1 AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT UMUM

Aktiviti utama Dana Ekuiti Allianz Life, Dana Terurus Allianz Life, Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life, Dana Tunai Allianz Life, Dana Pendapatan Ekuiti Allianz Life, Dana Global High Payout Allianz Life, Dana Asia Multi-IncomePLUS Allianz Life, Dana Induk Bon Allianz Life, Dana Induk Ekuiti Allianz Life, Dana Induk Dividen Allianz Life, Dana Bon Allianz Life, Dana Padu Allianz Life, Dana Induk Dana Ekuiti Allianz Life, Dana Amanah Dana Ikhlas Allianz Life, Dana ASEAN Plus Allianz Life dan Dana Induk ASEAN Plus Allianz Life (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "Dana") adalah untuk melabur dalam pelaburan dibenarkan.

Dana Ekuiti Allianz Life ("Dana Ekuiti") yang bermula pada 18 Julai 2000 dan merupakan dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dalam jangka panjang dengan melabur dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti.

Dana Terurus Allianz Life ("Dana Terurus") yang bermula pada 18 Julai 2000 dan merupakan dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang menerusi pelaburan dalam pelbagai ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti, sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang ialah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberi tambah nilai modal jangka panjang dengan melabur dalam ekuiti pelbagai dan sekuriti berkaitan ekuiti, sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang.

Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life ("Dana Pertumbuhan Dinamik") yang bermula pada 8 Disember 2003 dan adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan mencapai pertumbuhan modal yang unggul dalam jangka masa sederhana hingga panjang menerusi pelaburan di dalam pelbagai portfolio saham dengan penumpuan terhadap syarikat-syarikat bersaiz kecil hingga sederhana.

Dana Tunai Allianz Life ("Dana Tunai ") yang bermula pada 3 Januari 2005 dan bertujuan untuk menyediakan para pelabur dengan pelaburan berisiko rendah dan tahap kecairan yang tinggi bagi memenuhi keperluan aliran tunai. Dana ini matang pada 30 April 2020.

Dana Pendapatan Ekuiti Allianz Life ("Dana Pendapatan Ekuiti") yang bermula pada 18 Februari 2005 adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang menerusi pelaburan dalam pelbagai ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti dengan penumpuan terhadap ekuiti yang berpotensi menghasilkan pulangan dividen tinggi, sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang.

Dana Global High Payout Allianz Life ("Dana Global High Payout") yang bermula pada 27 Mac 2006, ialah pelan berkaitan pelaburan premium tunggal yang melabur dalam dana berdenominasi USD, iaitu Dana Global High Payout Allianz. Dana ini bertujuan untuk memberi pulangan keseluruhan daripada pendapatan dividen, premium opsyen dan tambah nilai modal. Ia dilaburkan dalam portfolio sekuriti ekuiti pelbagai global yang memberi pulangan dividen menarik dan mampan; dan menjual opsyen panggilan untuk menjana premium opsyen yang meningkatkan dividen dan mengurangkan risiko portfolio keseluruhannya.

Dana Asia Multi-IncomePLUS Allianz Life ("Dana Asia Multi-IncomePLUS") yang bermula pada 4 Jun 2007 ialah pelan berkaitan pelaburan premium tunggal yang melabur dalam dana berdasarkan denominasi USD iaitu Dana Asian Multi Income Plus Allianz. Dana ini bertujuan untuk memberi tambah nilai modal jangka masa panjang dan pendapatan dengan melabur terutamanya dalam ekuiti, amanah dan sekuriti berfaedah dengan memfokus kepada Rantau Asia Pasifik.

Dana Bon Allianz Life ("Dana Bon") yang bermula pada 8 Ogos 2008 ialah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberi aliran pendapatan stabil dan tambah nilai modal jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur terutamanya dalam sekuriti pendapatan tetap.

Dana Padu Allianz Life ("Dana Padu") yang bermula pada 8 Jun 2009 ialah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dalam jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti lulus Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti.

Dana Amanah Dana Ikhlas Allianz Life ("Dana Ikhlas") yang bermula pada 26 November 2012 bertujuan untuk mencari campuran aliran pendapatan tetap dan pertumbuhan modal yang mungkin sepanjang tempoh jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti tersenarai, instrumen hutang Islam dan aset lain yang dibenarkan oleh Prinsip Syariah.

Dana ASEAN Plus Allianz Life ("Dana ASEAN Plus") yang bermula pada 11 Oktober 2013 ialah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberi tambah nilai modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur terutamanya dalam ekuiti ASEAN dan sekuriti berkaitan ekuiti.

# Nota-nota kepada Penyata Kewangan

## 1 AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT UMUM (SAMBUNGAN)

### Dana Induk

Dana Induk Bon Allianz Life, Dana Induk Ekuiti Allianz Life, Dana Induk Dividen Allianz Life, Dana Induk Dana Ekuiti Allianz Life dan Dana Induk ASEAN Plus Allianz Life (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "Dana Induk") diwujudkan untuk beroperasi sebagai instrumen pelaburan berpusat untuk Dana. Ia mempunyai nilai aset bersih ("NAV") tetapi tidak ditawarkan kepada orang awam. Objektif mewujudkan Dana Induk adalah untuk menggabungkan kesemua dana pelaburan berbeza yang mempunyai mandat pelaburan dan objektif pulangan yang sama. Penggabungan tersebut bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan pelaburan.

Dana Induk Bon Allianz Life ("MBF") yang bermula pada 2 Jun 2008 ialah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberi aliran pendapatan stabil dan tambah nilai modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur terutamanya dalam sekuriti pendapatan tetap Malaysia. Pelaburan bon dalam Dana Terurus ("MF"), Dana Pendapatan Ekuiti ("EIF") dan Dana Bon ("BF") digabungkan dalam MBF. MF, EIF dan BF memindahkan NAV pelaburan bon kepada MBF pada NAV RM1.00 seunit pada tarikh permulaan dana MBF. MF, EIF dan BF tidak terlibat dalam pelaburan bon terus selepas pemindahan bon kepada MBF tetapi sebaliknya memegang unit dalam MBF. Mana-mana pelaburan baharu dalam atau menebus daripada MBF melalui MF, EIF dan BF selepas tarikh pelancaran dana bergantung kepada NAV MDF yang berlaku pada masa transaksi.

Dana Induk Ekuiti Allianz Life ("MEF") yang bermula pada 13 Jun 2008 ialah dana pelaburan terbuka yang memberi tambah nilai modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti dan sekuriti berkait ekuiti. Pelaburan ekuiti dalam Dana Ekuiti ("EF"), MF dan Dana ASEAN Plus ("AF") digabung dalam MEF. EF dan MF memindah NAV pelaburan ekuiti masing-masing ke MEF pada NAV RM1.00 seunit pada tarikh pelancaran dana MEF. MF dan EF tidak terlibat dalam pelaburan ekuiti terus selepas pemindahan ekuiti kepada MEF tetapi sebaliknya memegang unit dalam MEF. AF tidak terlibat dalam pelaburan ekuiti terus tetapi sebaliknya memegang unit dalam MEF. Mana-mana pelaburan baharu dalam atau penebusan daripada MEF melalui MF, EF dan AF selepas tarikh pelancaran dana bergantung kepada NAV MEF yang berlaku pada masa transaksi.

Dana Induk Dividen Allianz Life ("MDF") yang bermula pada 13 Jun 2008 ialah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberi aliran pendapatan tetap dan tambah nilai modal dengan melabur dalam ekuiti dan sekuriti berkait ekuiti pencong ke arah ekuiti yang berpotensi menghasilkan dividen. Pelaburan ekuiti dalam EIF digabung dalam MDF. EIF memindahkan NAV pelaburan ekuiti kepada pada NAV RM1.00 seunit pada tarikh pelancaran dana MDF. EIF tidak melibatkan pelaburan ekuiti terus selepas pemindahan ekuiti kepada MDF tetapi sebaliknya memegang unit dalam MDF. Mana-mana pelaburan dalam atau penebusan daripada MDF oleh EIF selepas tarikh pelancaran dana bergantung kepada NAV MDF yang berlaku pada masa transaksi.

Dana Induk Ekuiti Allianz Life ("MDE") yang bermula pada 8 Jun 2009 ialah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti lulus berlandaskan Shariah dan sekuriti berkait ekuiti. Pelaburan ekuiti dalam Dana Padu ("DP") digabung dalam MDE. NAV MDE pada pelancaran dana adalah RM1.00 seunit. DP tidak terlibat dalam pelaburan ekuiti terus tetapi sebaliknya memegang unit dalam MDE. Mana-mana pelaburan baharu dalam atau penebusan daripada MDE oleh DP selepas tarikh pelancaran dana bergantung kepada NAV MDE yang berlaku pada masa transaksi.

Dana Induk ASEAN Plus Allianz Life ("MAF") yang bermula pada 11 Oktober 2013 ialah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dalam jangka masa sederhana hingga panjang dengan melabur terutamanya dalam ekuiti ASEAN dan sekuriti berkait ekuiti. Pelaburan ekuiti dalam EF dan AF digabung dalam MAF. NAV MAF pada pelancaran dana ialah RM0.50 seunit. EF dan AF tidak terlibat dalam pelaburan ekuiti terus tetapi sebaliknya memegang unit dalam MAF. Mana-man pelaburan baharu dalam atau penebusan daripada MAF oleh EF dan AF selepas tarikh pelancaran dana bergantung kepada NAV MAF yang berlaku pada masa transaksi.

### Pengurus

Pengurus Dana ialah Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Pengurus"), syarikat diperbadankan di Malaysia, terutamanya terlibat dalam pengunderaitan perniagaan insurans hayat dan perniagaan berkaitan pelaburan.

# Nota-nota kepada Penyata Kewangan

## 2 ASAS PERSEDIAAN

Maklumat kewangan Dana disediakan menurut dasar perakaunan yang diterangkan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan tentang Perniagaan Berkaitan Pelaburan diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") dalam semua aspek material.

Maklumat kewangan disediakan di bawah konvensyen kos sejarah kecuali seperti didedahkan dalam dasar perakaunan dalam Nota 3 kepada penyata kewangan.

## 3 DASAR PERAKAUNAN SIGNIFIKAN

Dasar perakaunan dinyatakan di bawah diguna pakai dengan konsisten bagi tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan dan digunakan dengan konsisten oleh Dana-dana kecuali dinyatakan sebaliknya.

### (a) Mata wang asing

#### (i) Mata wang asing fungsian dan pembentangan

Maklumat kewangan dilaporkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), iaitu mata wang berfungsi untuk "Dana". Semua maklumat kewangan dilaporkan dalam RM dan dibundarkan kepada ribu terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

#### (ii) Transaksi mata wang asing

Persediaan maklumat kewangan memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada aplikasi dasar perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak semula secara berterusan. Semakan semula bagi anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak semula dan dalam mana- mana tempoh masa depan yang terjejas.

Tiada sebarang bidang signifikan mengenai ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritis dalam penggunaan dasar perakaunan yang mempunyai kesan signifikan ke atas amaun yang diiktiraf dalam maklumat kewangan selain daripada apa yang dinyatakan dalam Nota 3(b) – Instrumen kewangan.

Transaksi dalam mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang fungsian Dana-dana pada kadar pertukaran semasa tarikh transaksi.

Aset dan liabiliti kewangan yang didenominasikan dalam mata wang asing pada tarikh akhir pelaporan diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran semasa tarikh tersebut.

Aset dan liabiliti bukan kewangan yang didenominasikan dalam mata wang asing tidak diterjemahkan semula pada tarikh akhir pelaporan, kecuali yang diukur pada nilai saksama akan diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama itu ditentukan. Perbezaan mata wang asing yang timbul atas terjemahan semula diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

# Nota-nota kepada Penyata Kewangan

## 3 DASAR PERAKAUNAN SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

### (b) Instrumen Kewangan

#### (i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata aset dan liabiliti apabila, dan hanya apabila, Dana-dana menjadi sebahagian daripada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada nilai saksama ditambah, dalam kes instrumen kewangan bukan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos-kos transaksi yang berkaitan secara langsung kepada pemerolehan atau terbitan instrumen kewangan.

Derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan daripada kontrak induk dan diakaunkan sebagai derivatif sekiranya, dan hanya sekiranya, ianya tidak berkait rapat dengan ciri-ciri ekonomi dan risiko-risiko bagi kontrak induk dan kontrak induk tidak dikategorikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Kontrak induk, dalam derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan, akan dikira selaras dengan dasar yang diguna pakai berdasarkan sifat kontrak induk.

#### (ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

Dana-dana mengkategorikan dan mengukur instrumen kewangan seperti berikut:

#### ***Aset kewangan***

##### (a) ***Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian***

Nilai saksama melalui kategori keuntungan atau kerugian merangkumi aset-aset kewangan yang dipegang untuk dagangan, termasuk derivatif (kecuali derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai yang ditetapkan dan efektif) atau aset-aset kewangan yang ditentukan khas kepada kategori ini semasa pengiktirafan awal.

Derivatif-derivatif yang berkaitan dan mesti dilengkapkan melalui penyerahan instrumen ekuiti tidak disebutbarga yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti akan diukur pada nilai kos

Aset-aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diukur seterusnya pada nilai saksama masing-masing dengan mengiktiraf keuntungan atau kerugian dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan.

##### (b) ***Pinjaman dan belum terima***

Kategori pinjaman dan belum terima merangkumi instrumen hutang yang tidak disebutbarga di pasaran aktif dan termasuk belum terima lain, deposit, tunai dan baki bank.

Aset-aset kewangan yang dikategorikan sebagai pinjaman dan belum terima seterusnya diukur pada kos terlunas dengan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Kesemua aset kewangan, kecuali yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, adalah tertakluk kepada semak semula bagi penjejasan nilai (lihat nota 3(e)).

# Nota-nota kepada Penyata Kewangan

## 3 DASAR PERAKAUNAN SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

### (b) Instrumen Kewangan (sambungan)

#### (ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya (sambungan)

##### Liabiliti kewangan

Kesemua liabiliti kewangan seterusnya diukur pada kos terlunas selain daripada yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Kategori nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian merangkumi liabiliti kewangan iaitu derivatif (kecuali bagi derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai yang ditetapkan dan berkesan) atau liabiliti kewangan yang ditetapkan secara khusus dalam kategori ini selepas pengiktirafan awal.

Derivatif-derivatif yang berkait dan mesti diselesaikan menerusi penyerahan instrumen ekuiti yang tidak disebutbarga dan tidak mempunyai harga disebutbarga dalam pasaran aktif bagi instrumen seumpamanya yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan tepat, akan diukur berdasarkan kos.

Liabiliti-liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, seterusnya akan diukur pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan.

#### (iii) Pembelian atau penjualan lazim aset kewangan

Pembelian atau penjualan lazim ialah pembelian atau penjualan aset kewangan menerusi kontrak yang mensyaratkan penyerahan aset dalam jangka masa yang ditetapkan, secara amnya oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran berkaitan.

Pembelian atau penjualan lazim aset-aset kewangan diiktiraf dan dinyahiktiraf, yang mana terpakai, menggunakan tarikh perakaunan dagangan. Tarikh perakaunan dagangan merujuk kepada:

- (a) pengiktirafan aset belum terima dan liabiliti bagi pembayarannya pada tarikh dagangan, dan
- (b) penyahiktirafan aset yang dijual, pengiktirafan mana-mana keuntungan atau kerugian atas pelupusan dan pengiktirafan belum terima daripada pembeli untuk bayaran pada tarikh dagangan.

#### (iv) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau kawalan ke atas aset tersebut tidak dikekalkan atau sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan tersebut dipindahkan kepada pihak lain. Selepas aset kewangan dinyahiktirafkan, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah pertimbangan diterima (termasuk mana-mana aset baru diperolehi ditolak dengan mana-mana liabiliti baru ditanggung) diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila kewajipan yang disyaratkan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Selepas liabiliti kewangan dinyahiktirafkan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan yang telah dibayar, termasuk mana-mana aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti ditanggung, diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

# Nota-nota kepada Penyata Kewangan

## 3 DASAR PERAKAUNAN SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

### (c) Nilai saksama instrumen kewangan

Nilai saksama dana-dana sekuriti ekuiti disebut harga dan amanah pelaburan harta tanah adalah berdasarkan harga pasaran aktif semasa. Sekiranya pasaran aset kewangan tidak aktif, Dana menetapkan nilai saksama dengan menggunakan teknik penilaian. Ia termasuk penggunaan transaksi saksama terkini, rujukan kepada instrumen lain yang ketara sama, analisis aliran tunai didiskaunkan dan model harga opsyen.

Nilai saksama sekuriti kerajaan Malaysia, skim pelaburan kolektif, bond korporat tidak disebut harga dan deposit panggilan dan tetap adalah berdasarkan harga indikatif pasaran saksama/indeks dengan membuat rujukan kepada sebut harga yang disediakan oleh institusi kewangan atau broker.

Pelaburan berstruktur ialah pelaburan yang sebahagian daripada dana dalam instrumen pendapatan tetap diterbit oleh institusi kewangan manakala baki dana dilaburkan dalam instrumen yang berkaitan dengan prestasi atau satu atau lebih harga, kadar, indeks, sekuriti dan instrumen kewangan lain. Pelaburan berstruktur dibuat pada nilai saksama, ditentukan dengan merujuk kepada sebut harga yang disediakan oleh institusi kewangan.

### (d) Tunai dan kesetaraan tunai dan penempatan dengan institusi kewangan

Tunai dan kesetaraan tunai mengandungi tunai pada baki bank, deposit dipegang daripada panggilan dengan institusi kewangan dan pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan yang tidak ketara dalam nilai saksama dengan tempoh matang selama tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh Dana dalam pengurusan komitmen jangka pendek.

Tunai dan kesetaraan tunai dikategorikan dan diukur sebagai pinjaman dan belum terima selaras dengan nota 3(b)(ii)(b).

### (e) Penjelasan nilai aset-aset kewangan

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian) dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif mengenai penjelasan nilai disebabkan oleh satu atau lebih peristiwa yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai aset di masa hadapan. Kerugian yang dijangka berlaku akibat kejadian di masa hadapan, tidak diiktiraf walaupun wujud kemungkinan ianya akan berlaku. Bagi instrumen ekuiti, penurunan signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kosnya adalah bukti objektif penjelasan nilai. Jika terdapat bukti objektif tersebut, maka kerugian penjelasan aset kewangan tersebut akan dianggarkan.

Kerugian penjelasan dari segi pinjaman dan belum terima diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan dan diukur sebagai perbezaan antara amaun dibawa aset dan nilai anggaran semasa aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset. Amaun dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

### (f) Penciptaan unit-unit

Penciptaan unit-unit mewakili pembayaran premium oleh pemegang unit sebagai bayaran untuk kontrak baharu atau bayaran-bayaran seterusnya untuk meningkatkan amaun kontrak tersebut. Penciptaan unit diiktiraf berasaskan penerimaan.

### (g) Pembatalan unit-unit

Pembatalan unit-unit mewakili pembatalan unit-unit susulan daripada penyerahan dan pengeluaran.

# Nota-nota kepada Penyata Kewangan

## 3 DASAR PERAKAUNAN SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

### (h) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar akruan menggunakan kaedah faedah efektif dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

### (i) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan pada tarikh hak Dana untuk menerima bayaran ditentukan, dalam hal ini, sekuriti disebut harga ialah tarikh tanpa dividen.

### (j) Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai pendapatan merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Perbelanjaan cukai pendapatan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Cukai semasa ialah cukai yang dijangka perlu dibayar atau diterima atas pendapatan boleh cukai atau kerugian bagi sesuatu tahun, menggunakan kadar percukaian yang telah digubal atau digubal dengan sah pada tempoh akhir pelaporan, dan mana-mana pelarasan kepada cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, mengambil kira perbezaan sementara di antara amaun dibawa aset dan liabiliti dalam penyata aset dan liabiliti dan asas cukainya. Cukai tertunda tidak diiktiraf bagi pengiktirafan awal aset atau liabiliti di dalam sesuatu transaksi yang bukan merupakan gabungan perniagaan dan tidak memberi kesan kepada perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai. Cukai tertunda diukur pada kadar percukaian yang dijangka akan digunakan ke atas perbezaan sementara apabila ia berbalik, berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau digubal dengan sah pada tempoh akhir pelaporan.

Amaun cukai tertunda diiktiraf diukur berdasarkan kaedah jangkaan realisasi atau penyelesaian amaun dibawa aset dan liabiliti, menggunakan kadar cukai digubal atau digubal dengan sah pada tarikh pelaporan. Aset dan liabiliti cukai tertunda tidak didiskaun.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi jika terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan dari segi undang-undang untuk mengimbangi aset dan liabiliti cukai semasa, dan ianya berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama ke atas entiti boleh cukai yang seumpama, atau ke atas entiti cukai berlainan, tetapi mereka berniat untuk menyelesaikan cukai semasa aset dan liabiliti atas asas bersih atau aset dan liabiliti cukai mereka akan direalisasi serentak.

Aset cukai tertunda boleh diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa depan akan diperolehi di mana perbezaan sementara boleh digunakan untuk menyelesaikannya. Aset cukai tertunda disemak semula pada setiap tempoh akhir pelaporan dan dikurangkan sehingga tiada lagi kemungkinan manfaat cukai berkaitan akan direalisasikan.

### (k) Yuran pengurusan pelaburan

Yuran pengurusan pelaburan dikira selaras dengan peruntukan dokumen dasar.

## Kenyataan oleh Pengurus

Kami, **Goh Ching Yin** dan **Peter Ho Kok Wai**, selaku dua Pengarah Allianz Life Insurance Malaysia Berhad, menyatakan bahawa, pada pendapat Pengurus Dana-dana, maklumat kewangan mengenai Dana-dana yang mengandungi penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2020, penyata perubahan nilai dalam aset bersih, dan penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun berakhir, dan nota-nota kepada penyata kewangan sebagaimana dibentangkan di bahagian berkenaan dalam laporan ini disediakan selaras dengan dasar perakaunan ditetapkan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan bagi Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Pengurus Dana-dana,

.....  
**Goh Ching Yin**  
Pengarah

.....  
**Peter Ho Kok Wai**  
Pengarah

Kuala Lumpur,

Tarikh: 24 Februari 2021



# Laporan Juruaudit Bebas

kepada pemegang polisi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad  
(Diperbadankan di Malaysia) (No Syarikat. 198301008983 (104248-X))

**DANA EKUITI ("EF"), DANA TERURUS ("MF"), DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ("DGF"), DANA TUNAI ("CF"), DANA PENDAPATAN EKUITI ("EIF"), DANA GLOBAL HIGH PAYOUT ("GHP"), DANA ASIA MULTI-INCOMEPLUS ("AMIF"), DANA INDUK BON ("MBF"), DANA INDUK EKUITI ("MEF"), DANA INDUK DIVIDEN ("MDF"), DANA BON ("BF"), DANA PADU ("DP"), DANA INDUK DANA EKUITI ("MDE"), DANA IKHLAS ("DIF"), DANA ASEAN PLUS ("APF"), DANA INDUK ASEAN PLUS ("MAF"), (SELEPAS INI DIRUJUK SECARA KOLEKTIF SEBAGAI "DANA-DANA")**

## LAPORAN MENGENAI AUDIT PENYATA KEWANGAN

### Pendapat kami

Kami telah mengaudit penyata kewangan Dana-dana yang merangkumi penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2020, penyata perubahan nilai aset bersih, penyata pendapatan dan perbelanjaan, untuk tahun kewangan yang telah berakhir, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan penting, seperti yang dibentangkan di muka surat 2 hingga 79.

Pada pendapat kami, maklumat kewangan yang dilampirkan mengenai Dana-dana bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 disediakan, dalam semua bahan berkaitan, selaras dengan polisi-polisi perakaunan yang digariskan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.

### Asas bagi pendapat

Kami telah menjalankan audit kami selaras dengan piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia dan selaras dengan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dijelaskan pada bahagian "Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan" dalam laporan juruaudit kami. Kami bebas daripada Dana-dana selaras dengan keperluan etika yang relevan dengan audit maklumat kewangan di Malaysia, dan telah menunaikan tanggungjawab etika lain selaras dengan keperluan-keperluan ini.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas bagi pendapat audit kami.

### Penekanan perkara – asas perakaunan dan batasan terhadap penyebaran dan kegunaan

Kami menarik perhatian kepada Nota 3 kepada maklumat kewangan yang menerangkan asas perakaunan. Maklumat kewangan ini disediakan untuk membantu dana-dana untuk memenuhi keperluan-keperluan bagi Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia. Sebagai hasilnya, maklumat kewangan mungkin tidak sesuai untuk tujuan lain. Laporan kami bertujuan hanya untuk pemegang unit dana-dana sebagai sebuah organisasi dan tidak sepatutnya diedarkan kepada atau digunakan oleh mana-mana pihak selain daripada pemegang unit dana-dana. Pendapat kami tidak berubah berhubung dengan perkara ini.

### Tanggungjawab pengurus ke atas penyata kewangan

Pengarah Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Pengurus") bertanggungjawab untuk menyediakan maklumat kewangan selaras dengan dasar perakaunan yang digariskan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia, dan untuk kawalan dalaman sebagaimana dianggap perlu oleh Pengurus bagi membolehkan persediaan maklumat kewangan yang bebas daripada salah nyata, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan maklumat kewangan ini, Pengurus bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dana-dana untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, di mana terpakai, hal-hal berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan sekiranya Pengurus sama ada berhasrat untuk membubarkan dana-dana atau menamatkan operasi, atau tiada alternatif realistik kecuali berbuat demikian.

Pengurus bertanggungjawab untuk mengawal selia proses pelaporan kewangan Dana-dana.

# Laporan Juruaudit Bebas

kepada pemegang polisi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad  
(Diperbadankan di Malaysia) (Company No. 198301008983 (104248-X))

## LAPORAN MENGENAI AUDIT PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### Tanggungjawab pengurus ke atas penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang wajar sekiranya maklumat kewangan secara menyeluruh adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan membentangkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang wajar merupakan satu jaminan peringkat tinggi, namun ianya bukan jaminan bahawa audit yang dilaksanakan selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengenal pasti salah nyata yang ketara sekiranya ianya wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara sekiranya, secara individu atau agregat, ianya secara wajar dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh para pengguna berasaskan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mempraktikkan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan audit. Kami juga:

- (a) Mengetahui dan menilai risiko salah nyata yang ketara penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan langkah-langkah audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan berpatutan sebagai asas bagi pendapat kami. Risiko tidak dapat mengesan salah nyata yang ketara disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi berbanding dengan yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, salah nyata material, atau pelanggaran kawalan dalaman.
- (b) Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang sewajarnya mengikut keadaan, tetapi bukan dengan tujuan memberi pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Dana-dana.
- (c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Pengurus Dana-dana.
- (d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan perakaunan asas usaha berterusan oleh Pengurus dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan terhadap keupayaan Dana-dana meneruskan operasi sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki menyerlahkannya di dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan berkaitan di dalam penyata kewangan Dana-dana atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin menyebabkan Dana-dana menamatkan operasi sebagai usaha berterusan.

Kami berkomunikasi kepada Pengurus berkenaan perkara-perkara, antara lain, skop dan masa audit yang dirancang dan penemuan berkaitan audit penting, termasuk sebarang kekurangan penting dalam kawalan dalaman yang kami kenalpasti semasa pengauditan kami.

**PRICEWATERHOUSECOOPERS PLT**  
LLP0014401-LCA & AF 1146  
Akauntan Berkanun

**MANJIT SINGH A/L HAJANDER SINGH**  
02954/03/2021 J  
Akauntan Berkanun

Kuala Lumpur  
24 Februari 2021

# Rangkaian Pejabat Allianz Life Insurance Malaysia Berhad



## PERHUBUNGAN PELANGGAN/ PUSAT PERKHIDMATAN



Ground Floor, Block 2A Plaza Sentral  
Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan  
Bebas tol : 1 300 22 5542  
Laman web : [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

## WILAYAH TENGAH



**DESA JAYA**  
Wisma Allianz Life  
No. 11-14, Jalan 53  
Desa Jaya Commercial Centre  
Taman Desa  
52100 Kepong  
Selangor Darul Ehsan



**SEREMBAN**  
No. 44, Ground Floor  
Jalan S2 B18, Biz Avenue, Seremban 2  
70300 Seremban  
Negeri Sembilan Darul Khusus



**KLANG**  
No. 46, Jalan Tiara 2C  
Bandar Baru Klang  
41150 Klang  
Selangor Darul Ehsan

## Rangkaian Pejabat Allianz Life Insurance Malaysia Berhad



### WILAYAH UTARA



#### **PENANG**

Ground & 1st Floor  
No. 1 China Street  
10200 Georgetown  
Penang



#### **ALOR SETAR**

No. 301, Ground & 2nd Floor  
Jalan Lumpur  
05100 Alor Setar  
Kedah Darul Aman



#### **IPOH**

Unit No. A-G-1 & A-2-1  
Ground & 2nd Floor, Greentown Square  
Jalan Dato' Seri Ahmad Said  
30450 Ipoh  
Perak Darul Ridzuan



#### **BUKIT MERTAJAM**

No. 487, Jalan Permatang Rawa  
Bandar Perda  
14000 Bukit Mertajam  
Penang



#### **SUNGAI PETANI**

No. 62B, 1st Floor  
Jalan Pengkalan, Pekan Baru  
08000 Sungai Petani  
Kedah Darul Aman

# Rangkaian Pejabat Allianz Life Insurance Malaysia Berhad



## WILAYAH SELATAN

9 ▲

### JOHOR BAHRU

#03-01 & #03-02, Block C  
#04-01, #04-02 & #04-03 Block C  
Komersil Southkey Mozek  
Persiaran Southkey 1, Kota Southkey  
80150 Johor Bahru  
Johor Darul Takzim

10 ▲

### KLUANG

No. 5, Ground Floor  
Jalan Persiaran Yayasan  
86000 Kluang  
Johor Darul Takzim

11 ▲

### BATU PAHAT

No. 1-2 & 1-2B, Ground & 2nd Floor  
Jalan Maju 1, Taman Maju  
83000 Batu Pahat  
Johor Darul Takzim

12 ▲

### MUAR

No. 1, Ground, 1st & 2nd Floor  
Pusat Dagangan Bakri  
Jalan Bakri  
84000 Muar  
Johor Darul Takzim

13 ▲

### MELAKA

No. 374, Ground & 2nd Floor  
Jalan Melaka Raya 6  
Taman Melaka Raya  
75000 Melaka

## WILAYAH PANTAI TIMUR

14 ▲

### TEMERLOH

No. 6, Pusat Komersil Temerloh  
Jalan Dato' Bahaman 3  
28000 Temerloh  
Pahang Darul Makmur

15 ▲

### KUANTAN


No. 4 & 4a, 6 & 6a (Construction Town)  
Jalan Putra Square 6, Putra Square  
25200 Kuantan  
Pahang Darul Makmur

16 ▲

### KOTA BHARU

Lot 1184, 1st Floor Jalan Kebun Sultan  
15350 Kota Bharu  
Kelantan Darul Naim

# Rangkaian Pejabat Allianz Life Insurance Malaysia Berhad



## WILAYAH SABAH

17 ▲

### KOTA KINABALU

B-1-73, B-1-73a, B-1-75 & B-1-76  
Riverson@Sembulan, Block B  
First Level, Riverson Walk  
Unit No. R-6-01, R-06-02 & Part of Unit  
No. R-6-05, Level 6, Riverson Suites  
Lorong Riverson@Sembulan  
Off Coastal Highway  
88100 Kota Kinabalu  
Sabah

18 ▲

### SANDAKAN

2nd Floor, Menara Rickoh  
Indah Commercial Complex  
Bandar Indah  
Mile 4, North Road  
90000 Sandaka, Sabah

19 ▲

### TAWAU

TB320, Ground Floor  
Block 38, Fajar Complex  
Jalan St. Patrick, W.D.T. No. 33  
Tawau 91009, Sabah

## WILAYAH SARAWAK

20 ▲

### KUCHING

Sublot 3, Ground Floor, Block 10  
Jalan Laksamana Cheng Ho  
93350 Kuching Central Land District  
Sarawak

21 ▲

### MIRI

Lot 3544, 1st Floor  
Lot 3545, Ground Floor  
Section 5, M.C.L.D Jalan Miri-Pujut  
98000 Miri  
Sarawak

22 ▲

### SIBU

Lot 1726,  
1st & 2nd Floor  
Jalan Kampung Datu  
96000 Sibu  
Sarawak



**Allianz Life Insurance Malaysia Berhad**  
**198301008983 (104248-X)**

Level 29, Menara Allianz Sentral  
203, Jalan Tun Sambanthan  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur

Tel: +603 2264 1188 / 2264 0688  
Faks: +603 2264 1199

**[allianz.com.my](http://allianz.com.my)**